

# Syariah (930)

## PRESTASI KESELURUHAN

Pada tahun ini bilangan calon yang mengambil mata pelajaran ini ialah 1722 orang. Peratusan calon yang lulus penuh ialah 75.96%, meningkat sebanyak 2.59% berbanding dengan tahun 2009.

Pencapaian calon bagi mata pelajaran ini mengikut gred adalah seperti yang berikut:

Gred	A	A-	B+	B	B-	C+	C	C-	D+	D	F
Peratusan	6.76	8.57	10.68	10.33	12.16	13.62	11.25	9.31	7.27	3.86	6.19

## RESPONS CALON

### KERTAS 930/1 (FIKAH DAN USUL FIKAH)

#### *Komen am*

Secara keseluruhannya, mutu jawapan calon adalah baik. Kebanyakan calon membuat perancangan yang teliti sebelum menjawab soalan, namun terdapat juga segelintir calon yang tidak membuat sebarang perancangan sebelum menjawab soalan. Kelemahan utama calon dalam menjawab soalan ialah mereka tidak dapat mengemukakan takrif dan dalil yang lengkap dan tepat bagi soalan yang memerlukan takrif dan dalil sama ada daripada nas al-Quran atau hadis. Terdapat calon yang tidak memahami kehendak soalan sehingga jawapan mereka menyimpang daripada yang sepatutnya. Ketiadaan perancangan yang rapi dan maklumat yang tepat menyebabkan kebanyakan calon tidak dapat menjawab mengikut kehendak soalan. Faktor pemilihan soalan yang sesuai, perancangan jawapan yang rapi, dan pemahaman kehendak soalan boleh membantu calon memperoleh markah yang baik.

#### *Komen soalan demi soalan*

##### BAHAGIAN A: *Fikah*

##### Soalan 1

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan konsep *wasiat* dari segi pengertian dan dalil, serta menjelaskan empat syarat barang yang hendak diwasiatkan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan hukum dan alasan bagi empat kes wasiat yang telah dikemukakan. Kebanyakan calon yang menjawab soalan ini dapat menjelaskan hukum wasiat dengan baik terutamanya bagi kes (i), (ii), dan (iv). Contohnya dalam kes (i) hukum wasiat tidak sah kerana pewasiat tidak menyatakan dengan jelas penerima wasiat. Bagi kes (ii) pula hukum wasiat tidak sah kerana pewasiat mewasiatkan lebih satu per tiga daripada hartanya, atau wasiat itu sah dengan syarat semua waris bersetuju dengan lebih pemberian tersebut. Dalam kes (iv) wasiat tersebut tidak sah kerana anak perempuan merupakan waris kepada pewasiat, atau wasiat tersebut sah dengan syarat semua waris bersetuju dengan pemberian tersebut. Namun demikian, kebanyakan calon tidak dapat menjelaskan hukum bagi kes (iii). Kebanyakan calon menyatakan

hukum wasiat yang salah seperti harus, sunat, makruh, wajib, dan haram. Sedangkan jawapan yang sepatutnya ialah wasiat tersebut sah dan harta yang diwasiatkan itu akan diwarisi oleh waris penerima wasiat.

### Soalan 2

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan tiga perkara yang perlu dilakukan untuk menjalin hubungan yang baik antara keluarga dengan masyarakat berserta dalilnya. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Namun begitu, kebanyakan calon tidak dapat mengemukakan dalil seperti yang dikehendaki oleh soalan. Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan enam faktor yang merenggangkan hubungan antara keluarga dengan jiran tetangga dalam kehidupan masyarakat pada hari ini. Hampir semua calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

### Soalan 3

Soalan (a)(i) menghendaki calon menerangkan pengertian nikah *muta'ah*. Kebanyakan calon dapat memberikan jawapan dengan baik seperti akad nikah yang dibuat untuk jangka masa tertentu dengan bayaran tertentu. Soalan (a)(ii) menghendaki calon menjelaskan hukum nikah *muta'ah* mengikut pandangan ulama dengan menyatakan dalilnya. Kebanyakan calon hanya menyatakan satu pandangan ulama sahaja, iaitu pendapat jumhur ulama yang menyatakan bahawa nikah *muta'ah* adalah haram. Jawapan yang sepatutnya ialah menurut pandangan jumhur ulama nikah *muta'ah* adalah haram, manakala menurut pendapat Syiah Imamiyyah nikah *muta'ah* adalah harus dan sah. Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan lima perbezaan antara perkahwinan menurut syarak dengan perkahwinan secara *muta'ah*. Kebanyakan calon dapat menyatakan lima perbezaan antara perkahwinan menurut syarak dengan perkahwinan secara *muta'ah*.

### Soalan 4

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan konsep jenayah *qisas* dari segi pengertian dan dalil, serta menjelaskan jenis kesalahan yang mewajibkan hukuman *qisas*. Hampir semua calon tidak dapat memberikan pengertian jenayah *qisas* dengan lengkap. Jawapan yang sepatutnya ialah *qisas* merupakan suatu hukuman yang sama yang dikenakan terhadap kesalahan yang dilakukan, sebagaimana yang telah ditetapkan oleh syarak. Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan tiga syarat wajib *qisas* terhadap pembunuhan secara sengaja, dan menjelaskan tiga halangan dalam pelaksanaan hukuman *qisas* terhadap jenayah tersebut. Kebanyakan calon dapat menyatakan ketiga-tiga syarat wajib *qisas* dan halangan dalam pelaksanaan hukuman *qisas*.

### Soalan 5

Soalan (a) menghendaki calon menyatakan hukuman yang dikenakan terhadap pesalah jenayah penyalahgunaan dadah menurut undang-undang jenayah Islam, dan menjelaskan tiga akibat penyalahgunaan dadah. Kebanyakan calon tidak dapat menyatakan hukuman yang akan dikenakan terhadap pesalah jenayah penyalahgunaan dadah. Mereka menyatakan bahawa hukuman yang dikenakan adalah sama seperti hukuman yang dikenakan kepada peminum arak, iaitu sebatan sebanyak 40 kali. Jawapan yang sepatutnya diberikan ialah pesalah jenayah penyalahgunaan dadah akan dikenakan takzir atau hukuman yang ditetapkan oleh pemerintah. Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan tiga faktor penyalahgunaan dadah dalam kalangan belia, dan menyatakan tiga langkah mengatasinya berpandukan pernyataan yang diberikan. Hampir semua calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

### Soalan 6

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan tiga sebab dan tiga syarat yang melayakkan seseorang mewarisi harta pusaka menurut undang-undang Islam. Kebanyakan calon dapat menjelaskan tiga sebab pewarisan, namun hampir semua calon tidak dapat menjelaskan tiga syarat pewarisan tersebut. Calon hanya menyatakan bahawa syarat pewarisan ialah beragama Islam, berakal, baligh dan merdeka, sedangkan jawapan yang sepatutnya ialah yakin akan matinya pewaris, yakin akan hidupnya waris selepas kematian pewaris, mengetahui hubungan waris dengan pewaris, dan tiada halangan pewarisan. Soalan (b)(i) menghendaki calon menyelesaikan kes pembahagian harta pusaka seorang lelaki yang meninggal dunia dan meninggalkan seorang isteri, seorang anak perempuan, dan bapanya. Kebanyakan calon dapat menyelesaikan kes ini dengan baik. Soalan (b)(ii) menghendaki calon menyelesaikan kes pembahagian harta pusaka seorang perempuan yang meninggal dunia dan meninggalkan suami, ibu, dan dua orang saudara lelaki seibu sebapa. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

### BAHAGIAN B: Usul Fikah

### Soalan 7

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan konsep *al-Hakim* dari segi pengertian, dalil, dan kaitannya dengan *mukallaf*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon hanya dapat menyatakan konsep *al-Hakim*, tetapi tidak dapat menyatakan dalil dan kaitannya dengan *mukallaf*. Jawapan yang sepatutnya ialah *al-Hakim* ialah Allah SWT dan perkaitannya dengan *mukallaf* ialah *al-Hakim* yang mengenakan bebanan syarak terhadap *mukallaf*. Soalan (b) menghendaki calon membincangkan pendapat ulama tentang peranan akal dalam mengetahui hukum syarak yang ditetapkan oleh *al-Hakim*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon hanya menghuraikan peranan akal tanpa mengaitkannya dengan pendapat ulama. Jawapan yang sepatutnya ialah Muktaizilah dan sekumpulan Syiah Jaafariah berpendapat bahawa akal boleh mengetahui hukum syarak yang ditetapkan oleh *al-Hakim* kerana akal boleh menilai baik dan buruknya sesuatu perkara walaupun tanpa perantaraan Rasul. Menurut pendapat Abu Hasan al-Asy'ari pula akal sahaja tidak dapat mengetahui hukum syarak yang telah ditetapkan oleh *al-Hakim*, bahkan akal juga memerlukan perantaraan rasul.

### Soalan 8

Soalan (a)(i) menghendaki calon menyatakan pengertian *istihsan*. Kebanyakan calon memberikan pengertian yang tidak lengkap. Jawapan yang sepatutnya ialah berpaling daripada *qiyas jaliy* kepada *qiyas khafiy*. Soalan (a)(ii) menghendaki calon menjelaskan perbezaan antara *istihsan* berdasarkan nas dengan *istihsan* berdasarkan *maslahat* berserta contoh. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon tidak dapat memberikan contoh yang sesuai dan tidak menjelaskan perbezaan antara kedua-duanya dari segi pengertian dan dalil. Jawapan yang sepatutnya ialah *istihsan* berdasarkan nas mengambil hukum baharu daripada sesuatu nas yang berlawanan dengan ketetapan asal yang diperoleh daripada dalil umum seperti jual beli salam, manakala *istihsan* berdasarkan *maslahat* pula mengambil hukum yang berlawanan dengan ketetapan asal kerana terdapat *maslahat* tertentu seperti pemberian zakat kepada golongan Bani Hashim. Soalan (b) menghendaki calon membincangkan pandangan dan alasan ulama tentang penghujahan *istihsan* dan memerlukan calon menjelaskan pendapat masing-masing mengenainya. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

### Soalan 9

Soalan (a) menghendaki calon menerangkan pengertian lafaz *musytarak* berserta contoh, dan menjelaskan tiga faktor yang menyebabkan berlakunya *musytarak*. Kebanyakan calon dapat menerangkan pengertian lafaz *musytarak* berserta contohnya. Soalan (b)(i) menghendaki calon menghuraikan pandangan ulama berkenaan lafaz *musytarak* yang salah satu maknanya mempunyai *qarinah*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini. Jawapan yang sepatutnya ialah ulama sepakat menetapkan bahawa sesuatu lafaz *musytarak* yang mempunyai *qarinah* maka makna yang mempunyai *qarinah* akan diguna pakai. Soalan (b)(ii) menghendaki calon menghuraikan pandangan ulama mengenai lafaz *musytarak* yang maknanya tidak mempunyai *qarinah*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon tidak dapat menjelaskan pandangan ulama berhubung dengan perkara yang dibangkitkan dan hanya menyatakan pandangan secara umum. Jawapan yang sepatutnya ialah menurut pendapat Imam Syafie, lafaz *musytarak* boleh digunakan pada semua makna, sama ada dalam bentuk *nafi* atau *ithbat*, sedangkan menurut pendapat majoriti ulama Hanafi dan sebahagian ulama Syafie, lafaz *musytarak* hanya boleh digunakan untuk satu makna sahaja, sama ada dalam bentuk *nafi* atau *ithbat*. Menurut pendapat sebahagian ulama Hanafi pula lafaz *musytarak* boleh digunakan bagi kesemua makna jika lafaz *musytarak* dalam bentuk *nafi*.

### Soalan 10

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan kaedah *al-adat muhakkamat* dari segi pengertian dan contoh, serta menyatakan dua kaedah lain yang berkaitan dengan adat. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang sepatutnya ialah kaedah *al-adat muhakkamat* merupakan adat yang menentukan hukum, atau adat menjadi hakim atau rujukan dalam penentuan sesuatu hukum, iaitu adat kebiasaan boleh dijadikan sebagai rujukan sesuatu hukum syarak apabila tiada nas bagi hukum atau perkara yang hendak disabitkan. Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan tiga syarat adat yang ditetapkan dalam kaedah *al-adat muhakkamat*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (c) menghendaki calon menyelesaikan dua kes yang dinyatakan berdasarkan syarat adat pada bahagian (b). Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

## KERTAS 930/2 (AYAT AHKAM DAN HADIS AHKAM)

### Komen am

Secara keseluruhannya, jawapan yang diberikan oleh calon lebih baik berbanding dengan tahun sebelumnya. Meskipun begitu, masih terdapat kelemahan yang berulang sebagaimana tahun lepas, iaitu calon tidak menguasai dan memahami teks dengan baik, tidak menjawab soalan berdasarkan ayat atau hadis, tidak dapat menjawab asbabul nuzul dengan baik, tidak mempunyai perancangan dan perhatian kepada kehendak sebenar soalan, memberikan jawapan yang menyimpang daripada yang sepatutnya, dan memberikan fakta yang tidak tepat.

### Komen soalan demi soalan

#### BAHAGIAN A: Ayat Ahkam

### Soalan 1

Soalan (a)(i) menghendaki calon menjelaskan sebab nuzul ayat 17 surah *al-Ahqaf*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Calon sepatutnya menjelaskan sebab nuzul ayat ialah ayat ini diturunkan kepada Abdul Rahman bin Abu Bakar yang telah menderhaka kepada ibu bapanya yang telah memeluk Islam. Soalan (a) (ii) menghendaki calon menjelaskan tiga kewajipan

anak terhadap ibu bapa. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan cara untuk mengatasi gejala penderhakaan terhadap ibu bapa yang semakin berleluasa pada hari ini. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

### Soalan 2

Soalan (a)(i) menghendaki calon menerangkan sebab nuzul ayat 226 surah *al-Baqarah* berdasarkan ayat yang diberikan. Calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Kebanyakan calon keliru antara ayat *ila'* dengan ayat *zihar*. Jawapan yang dikehendaki ialah tentang *ila'* pada zaman jahiliyyah. Mereka mengila' isteri untuk tempoh dua tahun atau lebih, lalu Islam datang membataskannya kepada empat bulan. Soalan (a)(ii) pula menghendaki calon menjelaskan tiga aspek hukum yang berkaitan dengan sumpah yang terkandung dalam ayat yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan implikasi hukum yang berlaku pada suami apabila seorang suami berkata kepada isterinya, "Demi Allah, aku tidak akan bersamamu selama empat bulan". Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan yang dikehendaki ialah suami tersebut telah melakukan *ila'*, dia berdosa jika tidak kembali kepada isterinya, dan dikenakan *kafarah* jika menyetubuhi isterinya dalam tempoh empat bulan.

### Soalan 3

Soalan (a) berdasarkan ayat yang diberikan, calon dikehendaki menjelaskan lima strategi kerajaan dalam pengurusan sumber ekonomi negara. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapannya termasuklah berjimat cermat, bekerja bersungguh-sungguh, membuat persiapan, memajukan pertanian, mengelakkan pembaziran, dan mengelakkan pecah amanah. Soalan (b) menghendaki calon menghuraikan langkah yang boleh diambil oleh kerajaan untuk meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap pengurusan ekonomi yang baik. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

### Soalan 4

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan sebab nuzul ayat 178 surah *al-Baqarah*. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan baik. Jawapan sepatutnya ialah terdapat dua kabilah arab yang berperang pada zaman jahiliah dan mereka memeluk agama Islam sebelum sempat membalas dendam. Setelah memeluk Islam, mereka menuntut untuk membalas dendam antara satu sama lain. Maka dengan itu, turunlah ayat ini. Bagi soalan (b)(i), calon dikehendaki menghuraikan lima kaedah pelaksanaan hukum *qisas* dalam Islam. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan memuaskan. Jawapan yang sepatutnya ialah pelaksanaannya mestilah adil, pihak waris berhak memaafkan, pesalah yang mendapat kemaafan daripada waris hendaklah membayar diyat, dilaksanakan dalam khalayak ramai, dan pelaksanaannya dihadiri oleh hakim. Soalan (b)(ii) menghendaki calon menjelaskan dua sebab yang menggugurkan hukuman *qisas*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

### Soalan 5

Soalan (a) (i) menghendaki calon menjelaskan sebab nuzul ayat 58 surah *al-Nisa'*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (a) (ii) menghendaki calon menerangkan maksud *amanah* dan *keadilan*. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Amanah bermaksud melantik golongan yang layak memegang jawatan dan bukan pilih kasih, manakala keadilan ialah meletakkan sesuatu pada tempatnya atau menjatuhkan hukum mengikut prinsip-prinsip perundangan Islam walaupun terhadap ahli keluarga. Soalan (b)(i) menghendaki calon membincangkan kaedah yang terbaik untuk mengelakkan perselisihan dalam kalangan umat Islam kini. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

## BAHAGIAN B: *Hadis Ahkam*

### Soalan 6

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan lima syarat yang melayakkan seseorang menjadi ahli syurga. Kebanyakan calon memberikan jawapan yang terkeluar daripada skop hadis. Antara jawapan yang diberikan termasuklah berpuasa, menunaikan haji, bersabar dengan dugaan, dan sebagainya. Jawapan yang sepatutnya ialah menyembah Allah, tidak mensyirikkan-Nya, mendirikan solat, menunaikan zakat, dan menghubungkan silaturrahim. Soalan (b) menghendaki calon menjelaskan kepentingan zakat dalam menangani kegawatan ekonomi yang melanda dunia pada hari ini. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

### Soalan 7

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan tatacara memberi salam berdasarkan hadis yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan termasuklah orang yang berkenderaan hendaklah memberi salam kepada orang yang berjalan, orang yang berjalan hendaklah memberi salam kepada orang yang duduk, dan golongan yang sedikit hendaklah memberi salam kepada golongan yang ramai. Soalan (b) menghendaki calon membincangkan pernyataan “Salam akan membentuk masyarakat yang harmoni”. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

### Soalan 8

Soalan (a) menghendaki calon menghuraikan mesej yang hendak disampaikan berdasarkan hadis yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan oleh calon ialah wanita merupakan insan yang lemah, wanita diberi satu akal dan sembilan nafsu, dan peranan suami termasuk memberi nafkah zahir dan batin. Bagi soalan (b) calon dikehendaki menjelaskan kaedah yang boleh digunakan oleh suami untuk membentuk isteri yang solehah. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik.

### Soalan 9

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan lima pembalasan yang akan diterima kerana melantik kerabat sebagai pemimpin berdasarkan hadis yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Soalan (b) menghendaki calon membincangkan ilmu yang perlu ada pada seseorang pemimpin. Kebanyakan calon tidak dapat menjawab soalan ini dengan memuaskan. Terdapat sebilangan calon yang tidak menjelaskan jenis ilmu, sebaliknya calon menerangkan sifat seseorang pemimpin seperti adil, amanah, bijak, dan sebagainya. Calon sepatutnya menjelaskan jenis ilmu tersebut dan kepentingannya kepada seseorang pemimpin seperti ilmu al-Quran dan hadis, ilmu aqidah, ilmu syariah, ilmu pentadbiran, ilmu kepimpinan, ilmu ekonomi, ilmu ketenteraan, dan sebagainya.

### Soalan 10

Soalan (a) menghendaki calon menjelaskan peranan wanita ketika berjihad di medan perang berdasarkan hadis yang diberikan. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik. Antara jawapan yang diberikan termasuklah menyediakan makanan, memberikan makanan dan minuman, merawat, membawa anak panah, memberikan sokongan, dan sebagainya. Soalan (b) menghendaki calon membincangkan ciri yang perlu ada pada wanita yang berkerjaya. Kebanyakan calon dapat menjawab soalan ini dengan baik seperti wanita yang bijak membahagikan masa, sabar, berilmu pengetahuan, rasa hormat kepada suami, dan tahu menjaga maruah.